SYARAT – SYARAT KHAS

Sebutharga : Perkhidmatan Membekal Baju Korporat Jabatan Agama Islam Selangor.

Syarat-syarat ini adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat tawaran:

Bil	Jenis Kain	Corak / Rekabentuk	Spesifikasi
1.	'Viscose'	- 'Custom made' - Size : S,M,L,XL,XXL,3XL,4XL (Saiz selain dinyatakan perlu diukur) - Sulam bagi logo Selangor dan logo jabatan serta nama jabatan ('Embroidery') - Mempunyai poket di sebelah kiri bagi lelaki - 'Short sleeve' bagi lelaki - 'Long sleeve' bagi wanita - 'Piping sleeve'	- Berkualiti tinggi - Kain tidak mudah koyak - Tahan luntur - Bagi wanita boleh dijahit dengan mengikut bentuk badan atau biasa sahaja

1. <u>Tempoh Penghantaran</u>

1.1 Jadual Penghantaran adalah seperti di Lampiran A.

1.2 Pembekal hendaklah mematuhi jadual penghantaran yang telah ditetapkan. Sebarang penghantaran awal atau lewat hendaklah dimaklumkan terus kepada pihak Jabatan Agama Islam Selangor (Unit Perhubungan Awam & Penerbitan) atau Pejabat Agama Islam Daerah atau Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS) atau Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam yang mana berkenaan.

2. <u>Penghantaran</u>

2.1 Pembekal hendaklah mengambil kira kos-kos yang terlibat termasuk kos penghantaran bagi lokasi-lokasi yang terlibat. Pihak Jabatan Agama Islam Selangor tidak akan melayan sebarang permohonan kos tambahan yang diminta oleh pembekal setelah kos asal dipersetujui. Keputusan tawaran adalah muktamad.

2.2 Penghantaran adalah mengikut alamat yang diberikan di dalam jadual penghantaran.

2.3 Setiap penghantaran dan penerimaan hendaklah menggunakan nota penghantaran (SAP/Invois) dan disahkan (cop) oleh pihak Unit Perhubungan Awam & Penerbitan atau mana-mana individu yang diberi kuasa di peringkat Pejabat Agama Islam Daerah, Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS), dan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

3. Tanggungjawab Pembekal

3.1 Pembekal hendaklah mempunyai keupayaan dan hendaklah melaksanakan tanggungjawab yang diperuntukkan di dalam semua syarat dan terma yang dinyatakan di dalam tawaran ini.

3.2 Sekiranya item yang ditempah berlainan dengan hasil draf rekabentuk yang telah dipersetujui, pihak pembekal bertanggungjawab bagi menggantikan yang baru di atas kesilapan yang telah dilakukan.

3.3 Pihak Jabatan Agama Islam Selangor berhak untuk tidak menerima bekalan rendah kualiti/ tidak mengikut spesifikasi.

3.4 Pembekal adalah bertanggungjawab sepenuhnya agar tidak terdapat kecacatan di atas material, koyak atau rosak dan tidak berlaku perubahan warna pada baju yang dibekalkan serta mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

3.5 Kenderaan penghantaran yang digunakan mestilah sesuai dan bilangan mencukupi bagi tujuan penghantaran pada masa dan tempat yang telah ditetapkan.

4. Bilangan Warga Kerja JAIS

Pembekalan ini adalah bagi warga kerja Jabatan Agama Islam Selangor seperti berikut:

4.1 Jumlah warga kerja bagi tahun 2012 adalah sebanyak **897 orang**.

4.2 Setiap warga kerja akan menerima **2 helai** baju korporat.

4.3 Pembekalan baju korporat kepada warga kerja tidak termasuk kepada guru yang berada di sekolah.

4.4 Size ukuran bagi warga kerja jabatan akan dimaklumkan setelah pembekal dilantik.

4.5 Pembekal yang dilantik haruslah menyediakan contoh saiz dari saiz S,M,L, XL,XXL,3XL, dan 4XL bagi membolehkan warga kerja jabatan menganggarkan ukuran sebenar dan ianya hendaklah disediakan kepada 12 buah lokasi dan termasuk di Ibu Pejabat pada tarikh yang dijadualkan kelak.

5. Penyetujuan

5.1 Jabatan tidak terikat untuk menyetujuterima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga.

6. Pembatalan Tawaran

6.1 Jabatan berhak menamatkan tawaran ini dengan mengemukakan notis penamatan secara bertulis yang berkuatkuasa dari tarikh notis itu jika:-

Pembekal melanggar mana-mana syarat tawaran;

Atau

Perkhidmatan pembekal yang diberikan tidak mememuaskan (tidak menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan)

Atau

Pembekal menarik diri sebelum tamat tempoh pembekalan.

LAMPIRAN A

JADUAL KERJA PEMBEKALAN

Sebutharga : Perkhidmatan Membekal Baju Korporat Jabatan Agama Islam Selangor.

Bil.	Perkara / Tindakan	Tarikh
1	Draf rekabentuk baju diserahkan kepada syarikat pembekal oleh Unit Perhubungan Awam & Penerbitan (UPRO)	25 September 2012
2	Syarikat pembekal menghantar contoh ukuran bagi setiap saiz mengikut lokasi	27 September 2012
3	Maklumat saiz kakitangan JAIS yang telah dikumpulkan oleh UPRO diserahkan kepada syarikat pembekal	12 Oktober 2012
4	Proses menjahit bermula	13 Oktober 2012 – 18 November 2012
5	Proses penyerahan baju yang telah siap ke lokasi	19 – 23 November 2012

LAMPIRAN B

JADUAL PENGHANTARAN BERDASARKAN PECAHAN LOKASI

Sebutharga : Perkhidmatan Membekal Baju Korporat Jabatan Agama Islam Selangor.

Bil	Lokasi	Bilangan Kakitangan	Tarikh Penghantaran
1.	Ibu Pejabat (JAIS)	443	19 November 2012
2.	Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (MSSAAS)	16	
3.	PAID Petaling	41	
4.	PAID Klang	48	20 November 2012
5.	PAID Kuala Langat	45	
6.	PAID Kuala Selangor	47	21 November 2012
7.	PAID Sabak Bernam	44	
8.	Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS)	48	
9.	PAID Hulu Selangor	35	22 November 2012
10.	PAID Gombak	49	
11.	PAID Sepang	37	23 November 2012
12.	PAID Hulu Langat	44	